

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



*Suara*

# MITASA

*Adab Sebagai Asas  
Kecemerlangan Akademik  
dan Pembentukan Sahsiah*

*Biar Wasiat Jadi  
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:  
Prestasi Pekerja Dalam  
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan  
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan  
Graduan Teknologi  
Maklumat Dalam Dunia  
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":  
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi  
Perkhidmatan - Membentuk  
Insan Adabi Cemerlang*



**PERJUANGAN YANG BERTERUSAN**



## Bengkel Kesetaraan Kenaikan Pangkat UiTM Cawangan

- Berlangsung selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Mac 2025 di ILD, Bandar Enstek.
- Dihadiri oleh 50 wakil-wakil dan penyelaras MITASA dari seluruh kampus UiTM.
- Tujuan bengkel ini adalah untuk merangka cadangan bagi kesetaraan penyeliaan untuk semua proses kenaikan pangkat di UiTM.
- MITASA menerima banyak aduan mengenai masalah kenaikan pangkat kerana kurangnya markah di dalam penyeliaan. Ini berlaku di kampus-kampus cawangan yang tiada program pasca-siswazah.
- Masalah penyeliaan ini telah menjadi begitu rumit untuk diselesaikan terutamanya di kampus seperti Kampus Pusat Asasi Dengkil dan cawangan-cawangan yang tiada program pasca siswazah.
- Para pensyarah amat sukar untuk memperoleh pelajar pascasiswazah untuk digraduakan sehingga menyebabkan ada pensyarah yang berkelulusan PHD tidak dapat naik pangkat walaupun telah 12 tahun berada di kampus berkenaan.
- Program ini telah dibantu oleh dua orang pakar iaitu Ahli Jawatankuasa Urusan Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Profesor Dr Anelka Aziz Hussin dan Pengerusi Gugusan Sains dan Teknologi (SnT), Prof Ir Dr Jamaluddin Mahmud.
- Dengan bantuan kedua-dua pakar ini, MITASA telah merangka satu kertas kerja yang akan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi UiTM mengenai cadangan kesetaraan penyeliaan kenaikan pangkat.



THE  
STARTING  
POINT  
OF ALL  
ACHIEVEMENT  
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill